



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity



HARI
INOVASI 2011
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

14 & 15 Disember 2011
Dewan Astaka, UMP Kampus Gambang



Kata Alu-aluan



Sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang berteraskan kejuruteraan, sains dan teknologi, Universiti Malaysia Pahang (UMP) tercabar untuk menjadikan inovasi sebagai satu budaya menyeluruh, meliputi setiap lapisan warganya.

Dalam hubungan tersebut, inovasi sewajarnya difahami dalam kerangka tafsiran yang luas, merangkumi setiap cabang ilmu pengetahuan, dan bukannya dalam konteks saintifik semata-mata. Kreativiti yang menatijahkan inovasi berkait rapat dengan keupayaan untuk menghasilkan pendekatan, kaedah atau cara baharu dalam pelbagai urusan.

Keupayaan ini merujuk kepada kebolehan warga Universiti ini untuk menekuni pemikiran di luar kelaziman untuk mengemukakan penyelesaian terhadap sesuatu masalah. Globalisasi dan dunia tanpa sempadan telah menyebabkan pendekatan stereotaip dan mono-perspektif kian usang. Realiti ini memerlukan kita untuk menjivai paradig baharu yang mencabar kelaziman atau *status quo*.

Atas sebab itulah maka kerajaan melalui Belanjawan 2012 memperuntukkan dana yang signifikan bagi merangsang aktiviti bernilai tambah kepada inovasi. Dengan keupayaan dan kepakaran yang dimiliki, UMP boleh meneroka ruang inovasi yang lebih luas dalam konteks pemodenan perkhidmatan, melangkaui pendekatan sedia ada seperti Pengurusan Kualiti Menyeluruh (TQM), Program Peningkatan Produktiviti, Petunjuk Utama Prestasi (KPI) dan lain-lain.

Untuk terus maju ke hadapan, penghijrahan keluar dari zon selesa merupakan antara pra-syarat yang utama. Pendekatan stereotaip yang dilazimkan tanpa ruang inovasi meningkatkan risiko ketidakberkesanan dan ketidakcekapan sistem penyampaian dan seterusnya menghakik kepercayaan pemegang taruh dan pelanggan Universiti ini.

Justeru, sambutan Hari Inovasi UMP 2011 seharusnya dilihat sebagai medan di mana cetusan kreativiti dan inovasi disuburkan dalam erti kata sebenarnya, lebih dari semata-mata sebuah acara tahunan. Inilah realiti yang kita depan dan cabaran yang perlu kita tangani.

Salam hormat.

PROFESOR DATU' DR. DAING NASIR IBRAHIM
 NAIB CANSOLOR
 UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG



Kata Alu-aluan



Bersyukur kita ke hadrat Allah SWT, kerana dengan limpah keizinan-Nya dapat kita sama-sama berhimpun pada hari ini sempena Majlis Hari Inovasi Universiti Malaysia Pahang (UMP) 2011. Majlis ini julung kalinya diadakan sebagai menyahut saranan YAB Perdana Menteri supaya diadakan sambutan Hari Inovasi menggantikan Hari Kualiti mulai tahun 2010.

Sambutan Hari Inovasi pada tahun ini yang bertemakan "Inovasi Pemangkin Transformasi" memberikan pengertian yang sangat signifikan untuk dihayati dan direalisasikan bersama. Sambutan ini menandakan kepentingan budaya kreativiti dan inovasi dalam mendokong agenda transformasi, sama ada dari segi minda mahupun budaya kerja agar turut bergerak seiring dengan hasrat kerajaan. Dalam pada itu, ia menggalakkan warga kerja supaya berfikir lebih terbuka, dinamik dan sentiasa bersedia memperengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang diperlukan untuk melakukan pembaharuan dari semasa ke semasa.

Inovasi merupakan elemen penting dalam memastikan proses transformasi UMP menjadi sebuah universiti pilihan utama pada tahun 2015 berjalan lancar. Sehubungan itu, usaha membudayakan inovasi dan kreativiti dalam melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan perlulah diterapkan kepada semua warga UMP, bermula dari pengurusan tertinggi sehinggalah kepada kumpulan sokongan. Hari Inovasi UMP 2011 turut memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada jabatan, fakulti mahupun kumpulan tertentu atas penghasilan inovasi yang signifikan.

Satu contoh yang boleh dilihat, 15 PTJ telah layak mendapat pensijilan semula Persekitaran Berkualiti (Amalan 5S) daripada pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada sesi audit yang dijalankan 17 November 2011 serta program Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) yang telah dianjurkan oleh Jabatan Pendaftar pada 8 Disember 2011. Dari segi pengurusan persekitaran, inovasi dalam pelaksanaan Amalan 5S telah dapat menghasilkan tempat bekerja yang lebih bersih, tersusun, ceria dan menjimatkan kos penyenggaraan serta pengurusan kerja yang lebih cekap. Kejayaan ini sememangnya bukan sahaja boleh dinikmati oleh PTJ, tetapi juga individu yang terlibat apabila ia membolehkan sesuatu pekerjaan menjadi lebih efisien dan efektif.

Pencapaian yang kita peroleh setakat ini tidak akan bermakna dan kekal lama sekiranya kita tidak mengamalkan dan menjadikan amalan atau budaya kerja kita seharian. Oleh itu, inovasi perlu dibangunkan dengan galakan yang padu dan penggunaan inovasi juga harus diuruskan dengan baik bagi menjamin kelangsungan proses inovasi itu sendiri demi kebaikan bersama. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru semua warga yang bekerja di UMP agar terus berusaha dengan bersungguh-sungguh bagi mencapai KPI yang telah ditetapkan. Pelan Strategik UMP 2011-2015 akan menjadi panduan hala tuju kita ke arah pencapaian organisasi budaya kerja cemerlang dengan produktiviti dan kualiti yang tinggi.

Akhir kata, setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini. Tahniah juga diucapkan kepada semua penerima hadiah. Semoga kejayaan dan kecermelangan tersebut dapat dikekalkan selaras dengan hasrat universiti melalui pembangunan Pelan Strategik 2011-2015 yang mana melalui objektif ke-4 universiti menyatakan secara khusus untuk UMP "Diiiktiraf sebagai sebuah institusi yang mengamalkan budaya kerja yang cemerlang"

PROFESOR MADYA ZULKAFLI HASSAN
PENOLONG NAIB CANSOLOR
PEMBANGUNAN KORPORAT & PENGURUSAN KUALITI
MERANGKAP Pengerusi Hari Inovasi 2011

SEKILAS PANDANG

Inovasi didefinisikan sebagai idea baharu dalam semua aspek kerja untuk menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti. Produktiviti yang digabungkan bersama kreativiti dan inovasi mampu melonjakkan kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan awam di Malaysia.

Semua jabatan dan agensi kerajaan harus memaksimumkan aplikasi kreativiti dan inovasi ini. Matlamat utamanya adalah untuk meningkatkan kepuasan hati pelanggan sektor awam yang utama iaitu rakyat. Idea-idea baharu tidak harus dilihat dengan penuh syak wasangka atau di'bakulsampah'kan hanya semata-mata ia tidak konvensional.

Untuk menjadikan perkhidmatan awam Malaysia sebagai tanda aras kecemerlangan peringkat global, maka budaya pemikiran di 'luar kotak kebiasaan' perlu menjadi norma harian dan rutin bukannya kepelikikan. Baharulah nanti wujud persekitaran kerja yang dinamik lagi bertenaga dan berdaya saing.

YAB Perdana Menteri semasa Majlis Perdana Perkhidmatan Awam yang Kesebelas pada 9 Mac 2010, pernah menyatakan dalam ucapan beliau bahawa:

"Mahu tidak mahu, para penjawat awam mesti berfikir di lingkungan luar kotak. Saya tidak mahu budaya automation menjadi satu hakikat dalam kehidupan penjawat awam. Kita seharusnya berfikir kritis dan konstruktif dalam menunaikan tanggungjawab dan amanah dengan mencari penyelesaian kreatif dan inovatif di luar kelaziman."

RASIONAL PELAKSANAAN

- Menunjukkan komitmen pihak pengurusan kepada penerapan budaya pengurusan kualiti secara berterusan untuk memulakan pembudayaan inovasi dalam kalangan staf.
- Menarik perhatian dan minat staf tentang pentingnya penekanan kualiti di dalam urusan penyampaian perkhidmatan dari semasa ke semasa.
- Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara bekerja yang diamalkan.
- Kriteria yang diguna pakai untuk penilaian adalah lebih kepada melihat hasil/faedah yang diperoleh di atas sesuatu perubahan atau penyesuaian yang dibuat oleh PTJ demi menjaga kepentingan mutu dan kualiti penyampaian perkhidmatan.



JAWATANKUASA INDUK

Penaung	:	YH Prof Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim
Pengerusi	:	Prof Madya Zulkafli Hassan
Setiausaha	:	En. Wan Azlee Hj. Wan Abdullah
Bendahari	:	En. Asri Hj Zainuddin En. Baharudin Basiron
Pameran & Jualan	:	Pn. Emma Melati Burhanuddin Dr. Khairul Salleh Abdul Basit Pn. Ernie Nurazlin Mohd Lizam Pn. Haryani Abdullah
Media & Publisiti	:	Pn. Mimi Rabita Abd Wahid
Program Bicara	:	En. Muhammad Azli Shukri En. Zainuddin Mat Husin En. Helmi Mohamed Isa Pn. Safriza Baharuddin
Penerbitan	:	Nor Ashikin Binti Dolmat @ Mat Sani
Jamuan	:	Wan Nor Hamdy Wan Mohd Nowalid En. Abdul Rahman Hj Safie Pn. Eriena Kamarozaman Pn. Sabarehan Ismail
Jemputan, Sambutan dan Protokol	:	En. Anuar Abdul Aziz
Pengacara Majlis Teknikal & Montaj	:	Pn. Suzana Zahid
Logistik	:	Tuan Haji Ghazali Hassan
Keselamatan	:	Haji Zahari Muda
Teks Ucapan	:	En. Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain

PENYELARAS-PENYELARAS HADIAH

• Pertandingan Poster Inovasi	:	Pn. Sariyati Md Nayan
• Persekitaran Berkualiti (Amalan 5S)	:	Pn. Kartina Johan @ Rahmat
• Juruaudit	:	En. Baharudin Basiron
• Pusat Tanggungjawab Terbaik	:	
• Portal PTJ Terbaik	:	Pn. Suzana Zahid
• Kumpulan Inovatif Dan Kreatif	:	En. Mohamad Khir Ismail
• Pensijilan Semula Amalan 5S	:	En. Baharuddin Basiron

ATUR CARA

Hari Inovasi UMP 2011
Dewan Astaka, Universiti Malaysia Pahang Kampus Gambang
14 Disember 2011 (Rabu)

8:30 pagi	:	Ketibaan Jemputan dan Kehadiran Staf
9:00 pagi	:	Ucapan Alu-aluan oleh Prof. Madya Zulkapli Hassan, Penolong Naib Canselor Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti (PPKPK)
9:30 pagi	:	Program Bicara Inovasi: "Inovasi Pemangkin Transformasi" oleh YBhg. Dato' Syed Amin Aljeffri, Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (Kuala Lumpur) Anjuran Bersama PPKPK dan Bahagian Latihan & Pengembangan Kompetensi (BLPK), Jabatan Pendaftaran
	:	Penyampaian Cenderahati
	:	Minum Pagi
11:30 pagi	:	Kursus Persekitaran Berkualiti • Kursus Amalan 5S (<i>Lean Management</i>) oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia
	:	• Perkongsian Amalan Terbaik a) Majlis Perbandaran Kuantan b) Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang c) Universe Digital Library
	:	Penyampaian Cenderahati
1:00 tengah hari	:	Jamuan Makan Tengah Hari
2:30 petang	:	Ceramah Kesedaran Kanser Serviks oleh Glaxo Smith Kline (GSK) Anjuran Bersama In-Smartive Club UMP dan Pusat Kesihatan Pelajar
	:	Penyampaian Cenderahati
	:	Minum Petang



ATUR CARA

Hari Inovasi UMP 2011

Dewan Astaka, Universiti Malaysia Pahang Kampus Gambang
15 Disember 2011 (Khamis)

- | | | |
|-------------|---|---|
| 8:00 pagi | : | Ketibaan Jemputan dan Pendaftaran Kehadiran Staf |
| 8:25 pagi | : | Ketibaan Pegawai-Pegawai Kanan Universiti |
| 8:30 pagi | : | Ketibaan YH Prof. Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim
Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang |
| 9:00 pagi | : | Nyanyian Lagu Negaraku & Maju Gemilang |
| | : | Bacaan Doa |
| | : | Ucapan Alu-Aluan oleh Prof. Madya Zulkafli Hassan,
Penolong Naib Canselor Pusat Pembangunan Korporat &
Pengurusan Kualiti (PPKP) |
| | : | Ucapan Perasmian oleh YH Prof. Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim
Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang |
| | : | Taklimat Skim Saraan Baharu Perkhidmatan Awam (SBPA) oleh <ul style="list-style-type: none"> • Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) • Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) |
| | : | Pelancaran Logo Amalan 5S dan Buku Panduan Umum
Amalan 5S |
| | : | Penyampaian Hadiah |
| | : | Penyampaian Cenderahati |
| | : | Lawatan ke Pameran, Jualan dan Kaunter Bertemu Pelanggan |
| 1:00 petang | : | Jamuan Tengah Hari |



HARI INOVASI 2011

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG



PROGRAM BICARA INOVASI

BERSAMA
YBHG. DATO' SYED AMIN ALJEFFRI
YANG DIPERTUA DEWAN PERNIAGAAN MELAYU MALAYSIA
(KUALA LUMPUR)

TAJUK
"INOVASI PEMANGKIN TRANSFORMASI"

14 Disember 2011
9:00pg-10.30pg
Dewan Astaka, UMP Kampus Gambang

Dato' Syed Amin Aljeffri adalah seorang pemimpin korporat yang amat dikenali di Malaysia dan ASEAN yang juga merupakan seorang Akauntan Bertauliah dan telah menubuhkan firma perakaunan dan perundingannya sendiri yang dikenali sebagai AljeffriDean, Chartered Accountants di Malaysia selepas berkhidmat dengan Touche Ross Kanada.

Di samping itu, beliau juga merupakan Ahli Fellow Akauntan Bertauliah Australia, Persatuan Akauntan Bertauliah, United Kingdom dan Chartered Tax Institute di Malaysia, Ahli Institut Akauntan Malaysia, dan Ahli Canada Institute of Chartered Accountants, Malaysian Institute Akauntan Awam Bertauliah, Institut Akauntan Awam Bertauliah Singapura, dan Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia. Pemegang Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Ekonomi dari

Universiti Malaya (UM) ini terbukti kewibawaannya apabila turut menganggotai Lembaga LBI Capital Berhad, RAM Holdings Berhad, Concrete Engineering Products Berhad, Bioalpha Holdings Berhad dan beberapa syarikat lain.

Selain pernah bekerja dengan Esso di Malaysia dan Amerika sejak tahun 1971 hingga 1981, beliau juga pernah menjawat jawatan sebagai pengarah di Seloga Holdings Berhad, Golden Horse Palace Berhad, Bina Darulaman Berhad, KUB Malaysia Berhad, UEM Berhad, Crest Petroleum Bhd., Kinta Kellas Plc, EPE Power Corporation Berhad dan Asas Serba Sdn. Bhd.

Bekas Presiden MIA ini juga turut menyandang jawatan sebagai Presiden Dewan Perniagaan Melayu Kuala Lumpur dan Setiausaha Agung Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN serta menjadi Ahli Majlis Perniagaan Asia Timur, Majlis Penasihat

Perniagaan APEC-ABAC (Alternate), Majlis Perniagaan Malaysia-China dan Majlis Perniagaan Malaysia Singapura.

Selain itu, Dato' Syed Amin Aljeffri merupakan bekas Setiausaha Agung Dewan Perniagaan dan Industri ASEAN, Naib Presiden Dewan Perdagangan dan Industri Malaysia serta Timbalan Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Ahli Majlis Perniagaan Malaysia-British, Ahli Panel Tabung Pemulihan Usahawan dan Ahli Jawatankuasa Pembinaan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC).

Beliau turut menyandang jawatan sebagai Ahli Lembaga Pengarah Universiti Sains Islam Malaysia, Ahli Majlis Biro Aduan Awam dan Ahli Jawatankuasa Kumpulan Kerja Unit Perancang Ekonomi serta Ahli Majlis Kehormat Malaysia bagi Persekutuan Demokratik Republik Ethiopia.



HARI INOVASI 2011

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG



KURSUS PERSEKITARAN BERKUALITI

14 Disember 2011
11:30 Pagi – 1:00 Petang
Dewan Astaka UMP

Anjuran bersama PPKPK dan BLPK

- Lean Management
- Best Practices Amalan 5S



CERAMAH KESIHATAN



14 Disember 2011
2:30 Petang – 4:30 Petang
Dewan Astaka UMP

Kesedaran Kanser Servik
Anjuran bersama In-Smartive Club dan Pusat Kesihatan Pelajar


TAKLIMAT SKIM SARAAAN BAHARU PERKHIDMATAN AWAM

15 Disember 2011
8:00 Pagi – 12:30 Tengah Hari
Dewan Astaka UMP

- Jabatan Perkhidmatan Awam
 - Kementerian Pengajian Tinggi
- Anjuran bersama Jabatan Pendaftar dan PPKPK



8:00 Pagi - 12:30 Tengah Hari



Inovasi
Pemangkin
Transformasi

Urusetia:
Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti
Universiti Malaysia Pahang
Tel: 09-549 3202 / 3207
Faks: 09-549 3203

PAMERAN, JUALAN DAN KAUNTER BERTEMU PELANGGAN

14 & 15 Disember 2011
Dewan Astaka UMP

Booth 1	Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas Koperasi Universiti Malaysia Pahang Berhad
Booth 2	Pusat Kesihatan Pelajar
Booth 3	Perpustakaan
Booth 4	Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
Booth 5	Badan Kebajikan & Sukan Staf
Booth 6	Urus Setia Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti
Booth 7 & 8	Persatuan Wanita UMP (MATAHARI)
Booth 9 & 10	Jabatan Pendaftar Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE) Perbendaharaan Malaysia (MOF)
Booth 11	Pejabat Naib Canselor
Booth 12	Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi + ICT Business Center
Booth 13	In-Smartive Club
Booth 14	Pusat Pengajian Siswazah
Booth 15	Pusat Pengajian Berterusan & Pembangunan Profesional (CENFED)
Booth 16	Penerbit UMP Universe Digital Library

KATEGORI HADIAH

- Poster Inovasi
 - Kategori Individu (Staf)
 - Kategori Pusat Tanggungjawab (PTJ)
- Persekitaran Berkualiti (Amalan 5S)
 - Juruaudit
 - Pusat Tanggungjawab
- K-Portal PTJ Terbaik

APRESIASI PENGHARGAAN

- Kumpulan Inovatif & Kreatif
- Pensijilan Semula Persekitaran Berkualiti (Amalan 5S)



PERTANDINGAN POSTER INOVASI

Latar Belakang

Pertandingan Poster Inovasi dibahagikan kepada dua kategori iaitu Individu dan Jabatan/Pusat/Fakulti. Hadiah ini diadakan sejajar dengan Surat Ketua Pengarah Unit Permodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU): "Garis Panduan Peningkatan Budaya Inovasi Dalam Perkhidmatan Awam" yang bertujuan untuk melibatkan semua lapisan staf bagi merangsang, menghayati dan melaksanakan budaya inovasi dan produktiviti di dalam diri dan organisasi.

Objektif

1. Mewujudkan kesedaran menyeluruh dalam kalangan staf mengenai kepentingan kualiti.
2. Dorongan kepada staf untuk mengamalkan nilai inovasi dan produktiviti dalam kerja seharian.
3. Alat komunikasi pihak pengurusan dalam usaha penekanan pengamalan budaya kualiti.
4. Galakkan staf libatkan diri dalam usaha peningkatan inovasi dan produktiviti.
5. Tingkatkan komitmen staf terlibat dalam program inovasi dan produktiviti.

Dua (2) Kategori Utama

1. Kategori Individu (Staf)

- a. Terbuka kepada semua individu (staf) yang berminat.
- b. Penyertaan maksimum adalah sebanyak tiga (3) Poster Inovasi bagi setiap individu (staf).

2. Kategori Pusat Tanggungjawab (PTJ)

- a. Setiap PTJ diminta menghantar sekurang-kurangnya satu (1) Poster Inovasi.
- b. Penyertaan maksimum adalah sebanyak tiga (3) Poster Inovasi bagi setiap PTJ.

PERSEKITARAN BERKUALITI (AMALAN 5S)

Latar Belakang

Persekitaran Berkualiti (5S) adalah permulaan kehidupan yang sihat, selesa dan produktif untuk semua orang di tempat kerja. Ini adalah asas kepada peningkatan produktiviti. Apabila dilaksanakan dengan jayanya dalam organisasi, Persekitaran Berkualiti (5S) akan membawa perubahan yang menakjubkan. Sebagai contoh, semua barangan yang tidak diperlukan dibuang dari tempat kerja, hanya perlu item terletak berhampiran dengan pengguna, mesin dan peralatan sentiasa bersih dan berkilat. 5S adalah singkatan bagi lima perkataan Jepun iaitu Seiri, Seiton, Seiso, Seiketsu dan Shitsuke. Daya penggerak untuk Persekitaran Berkualiti (5S) program datang dari modal insan. Dalam hal ini, Shitsuke adalah kritikal kepada kejayaan. Shitsuke adalah untuk melatih orang-orang yang sewajarnya supaya mereka akan mengikut tabiat yang baik.

Objektif

1. Memastikan staf menjadikan tempat kerja mereka bersih, kemas, selesa, teratur dan sistematik.
2. Meningkatkan imej UMP hasil daripada persekitaran kerja yang berkualiti yang akan menyumbang kepada penghasilan perkhidmatan yang efisien dan efektif.
3. Menaikkan moral kerja staf untuk bekerja dengan lebih cemerlang.
4. Memberikan kepuasan kepada para pelanggan dalaman dan luaran yang berurusan untuk mendapatkan perkhidmatan serta produk.

Dua (2) Kategori Utama

1. Juruaudit
2. Pusat Tanggungjawab

K-PORTAL PTJ TERBAIK

Latar belakang

Setiap tahun, Kementerian Pengajian Tinggi mengadakan pertandingan laman web semua institusi pengajian tinggi awam dan swasta, dan jabatan-jabatan kerajaan sebagai usaha meningkatkan mutu laman web berkenaan.

Selaras dengan usaha murni ini, K-Portal yang merupakan salah satu hadiah yang dipertandingkan bagi program Hari Inovasi UMP. Hadiah ini diwujudkan bagi menghargai komitmen PTJ dalam menghasilkan portal yang kaya dengan maklumat terpilih dan sumber rujukan utama mengikut bidang selain membantu menjadikan UMP sebagai organisasi yang bermaklumat dan pusat rujukan organisasi-organisasi lain.

Objektif

1. Menghargai usaha dan komitmen staf dalam membangunkan portal yang bermaklumat dan menjadi *one-stop center* bagi pengguna untuk mendapatkan maklumat/pengetahuan berkaitan dengan bidang/jabatan berkenaan.
2. Menggalakkan budaya penulisan dan penerbitan ilmiah secara elektronik di kalangan staf.
3. Menyemarakkan budaya IT iaitu segala maklumat disediakan dalam bentuk 'online' dan mudah diakses oleh semua pengguna.
4. Menggalakkan perkongsian ilmu dan percambahan idea dia atas satu platform yang diselia oleh pengurusan universiti.

KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF

Latar Belakang

Kumpulan Inovatif dan Kreatif yang lebih dikenali sebagai ICC merupakan satu kumpulan pekerja yang mengenalpasti masalah, analisis dan menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan kerja mereka.

Aktiviti ICC menyediakan peluang-peluang bagi ahli memberi sumbangan kepada kumpulan dan juga organisasi. Pekerja-pekerja yang menyertai aktiviti-aktiviti ICC akan mendapat kepuasan bekerja yang lebih dan juga faedah-faedah lain seperti meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja.

Kejayaan dalam aktiviti ICC boleh dicapai dengan adanya kerjasama penuh dari pihak pengurusan atasan. Kerjasama yang dimaksudkan termasuklah sokongan dari segi latihan, kewangan dan pengiktirafan kepada mereka yang terlibat dalam ICC.

Objektif

1. Perkongsian ilmu dan penyelesaian masalah serta memperkenalkan amalan terbaik dalam aspek pengurusan tempat kerja.
2. Membuka minda setiap pekerja bahawa kreativiti dan inovasi merupakan teras kejayaan dalam pekerjaan dan menggalakkan para pekerja agar dapat berfikir di luar kotak.
3. Memberi kesedaran dan perangsang kepada kumpulan yang bertanding dan rakan-rakan lain bahawa semangat kekitaan, bekerjasama dan muafakat dalam pekerjaan dapat meringankan beban dan menyelesaikan masalah yang timbul.
4. Memberi pengiktirafan dan sokongan kepada kumpulan-kumpulan KIK yang telah berjaya dalam melaksanakan projek masing-masing.



PENSIJILAN SEMULA

Mencapai pensijilan adalah suatu akuan awam komitmen kepada alam sekitar yang berkualiti, tempat kerja yang lebih baik dan peningkatan berterusan untuk memenuhi keperluan pelanggan. Terdapat pelbagai kemungkinan faedah yang berkaitan dengan mencapai Persijilan:

- Peningkatan kecekapan
- Peningkatan produktiviti
- Peningkatan penjana idea-idea baru
- Mengurangkan aduan
- Peningkatan keuntungan
- Meningkatkan semangat berpasukan
- Peningkatan prestasi pekerja melalui disiplin semula jadi
- Imej yang lebih baik menjana lebih banyak perniagaan

Kategori Pensijilan Semula Persekitaran Berkualiti (Amalan 5S)



PENGHARGAAN

Pusat Pembangunan Korporat & Pengurusan Kualiti
merakamkan setinggi-tinggi penghargaan
kepada semua yang terlibat secara langsung
mahupun tidak langsung
dalam merealisasikan Hari Inovasi UMP 2011.

Pejabat Naib Canselor
Jabatan Pendaftar
Jabatan Bendahari
Jabatan Penyelidikan & Inovasi
Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi
Pusat Kesihatan Pelajar
Perpustakaan
Bahagian Keselamatan
Pusat Pengajian Siswazah
Persatuan Pegawai Tadbir & Ikhtisas UMP
Persatuan Wanita UMP (MATAHARI)
Koperasi Universiti Malaysia Pahang Berhad
Badan Kebajikan & Sukan Staf UMP
In-Smartive Club

